

## BAB III

### PENGENALAN KITAB TAFSIR MARĀḤ LABĪD

#### 3.1 PENGENALAN

Suatu kenyataan yang tidak dapat disangkal ialah al-Qur`an sebagai pedoman pertama dan utama bagi umat Islam diturunkan Allah s.w.t. dalam bahasa Arab. Untuk mengfungsikan al-Qur`an sebagai pedoman dan tuntunan dalam menjalani hidup dan kehidupan, umat memerlukan pentafsiran, apatah lagi bagi umat Islam Nusantara yang bukan bangsa Arab.

Upaya mentafsirkan tersebut telah dimulai semenjak al-Qur`an diturunkan. Nabi Muhammad s.a.w. adalah pentafsir pertama, kemudian dilanjutkan oleh para sahabatnya dan para ulama yang datang sesudah mereka sampailah ke saat ini. al-Qur`an yang menjadi pedoman umat manusia berlaku untuk semua tempat dan zaman dalam situasi dan kondisi apa pun. Itu bererti bahawa al-Qur`an mestilah difahami dan ditafsirkan sesuai dengan perkembangan zaman, tetapi tidak boleh memaksakan kehendak zaman terhadap al-Qur`an. Jika hal ini terjadi, bukannya petunjuk yang diperoleh, malah kesesatan yang akan didapati.

Dalam bab yang ketiga ini, penulis akan memperkenalkan kitab tafsir *Marāḥ Labīd* dengan mengungkapkan segala maklumat yang berkaitan dengannya, merangkumi nama kitab, terbitannya, latar belakang penulisan, kandungan perbahasan kitab, rujukan utama, dan sambutan serta penilaian ke atas tafsir *Marāḥ Labīd*. Namun sebelumnya, penulis akan menghuraikan perkembangan penulisan karya-karya tafsir yang dihasilkan oleh ulama Nusantara sejak datangnya Islam hingga abad ke-19 M.

### 3.2 PERKEMBANGAN PENULISAN KARYA TAFSIR DI INDONESIA SEJAK MASUKNYA ISLAM HINGGA ABAD KE-19 M

Agama Islam masuk ke Indonesia sudah cukup lama, yaitu sekitar empat belas abad yang lalu. Seminar masuknya Islam di Indonesia yang diadakan di Medan 1963 menegaskan bahawa “Islam untuk pertama kalinya masuk ke Indonesia pada abad pertama Hijriah (abad ketujuh/kelapan Masihi), dan secara langsung dari negeri Arab.<sup>1</sup> Bersama dengan proses awal masuknya Islam di Nusantara, kitab suci al-Qur`an diperkenalkan para juru dakwah itu kepada penduduk peribumi di Nusantara. Pengenalan awal terhadap al-Qur`an bagi penyebar Islam tentu satu hal yang amat penting, kerana al-Qur`an adalah kitab suci agama Islam yang diimani sebagai pedoman hidup bagi pemeluk agama Islam, sehingga untuk menjadi seorang Muslim yang baik haruslah memahami isi kandungan al-Qur`an.<sup>2</sup>

Sejak pertama Islam masuk ke Aceh, pengajaran Islam mulai lahir dan tumbuh, terutama setelah berdirinya kerajaan Pasai. Waktu itu, ramai ulama yang mendirikan surau<sup>3</sup>. Pada zaman Iskandar Muda Sultan Aceh, awal abad ke-17 M, surau-surau di Aceh mengalami banyak perkembangan. Muncul ramai ulama waktu itu, seperti Nur al-Dīn al-Ranīrī (w. 1658), Shams al-Dīn al-Sumatrānī (w. 1630), Hamzah Fanṣūrī (w. 1607), dan Abd al-Ra`ūf al-Sinkilī (w. 1693).<sup>4</sup>

Analisis Mahmud Yunus tentang sistem pendidikan Islam pertama di Indonesia memperlihatkan bagaimana al-Qur`an telah diperkenalkan pada setiap Muslim semenjak kecil melalui kegiatan yang dinamai “Pengajian al-Qur`an” di surau, langgar

---

<sup>1</sup> Prof. A. Hasyim (1981), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Bandung :PT. Alma`arif, h.7; lihat: Dr. Wan Ahmad D.S. (1989), *Sejarah Islam di Indonesia*, Selangor: al-Raḥmāniah, h. 4-5.

<sup>2</sup> Islah Gusmian (2003), *Khazanah Tafsir Indonesia, dari Hermeneutika hingga Ideologi*, Jakarta: Teraju, h. 41.

<sup>3</sup> Surau adalah lembaga pendidikan Islam tradisional di Indonesia, ia juga dipanggil pondok pesantren. Di Aceh ia disebut dengan *Meunasah*. Lihat: Prof. Dr. Harun Nasution et al (1992), *Ensiklopedi Islam Indonesia*, Jakarta: Penerbit Djambatan, h. 771.

<sup>4</sup> Mahmud Yunus (1984), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, Jakarta: Hidakarya Agung, h. 24.

dan masjid. Pendidikan al-Qur`an waktu itu adalah pendidikan Islam pertama yang diberikan kepada anak-anak didik sebelum diperkenalkan kepada mereka praktik-praktik ibadah (fiqh). Setelah menamatkan pengajian al-Qur`an, para murid kemudian melanjutkan ke pengajian kitab, yang mengkaji beberapa kitab dari pelbagai disiplin ilmu keislaman. Dalam pengajian kitab inilah al-Qur`an dipelajari lebih mendalam melalui kajian-kajian kitab tafsir al-Qur`an.<sup>5</sup>

Pengajian al-Qur`an ini semakin nyata pada abad-abad selanjutnya meskipun sistem pendidikan di Indonesia belum memiliki sebutan tertentu. Pengajaran al-Qur`an waktu itu diadakan di rumah-rumah mengaji, surau atau masjid. Tempat-tempat pengajian al-Qur`an ini, sebahagian besarnya berkembang menjadi sebuah institusi pendidikan yang disebut dengan madrasah atau pondok pesantren, yang kini telah tersebar di seluruh Indonesia. Melalui lembaga-lembaga pendidikan ini, al-Qur`an diperkenalkan kepada para generasi muda Islam, mulai dari tingkat pengenalan, yang meliputi bidang baca tulis, hingga kandungan al-Qur`an dengan kajian-kajian atas beberapa kitab tafsir.<sup>6</sup>

Perlu dicatat bahawa kitab-kitab tafsir berbahasa Arab mempunyai pengaruh yang besar dalam perkembangan pengajian tafsir di Nusantara, yang paling menonjol di antaranya ialah *Tafsīr al-Jalālayn*, karya Jalāl al-Dīn bin Aḥmad al-Maḥallī (w.1459H) dan Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī (w.911H), tafsir *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl*, karya ‘Abd Allāh bin ‘Umar al-Bayḍāwī (w.1286H), dan *Lubāb al-Ta’wīl fī Ma’ānī al-Tanzīl*, karya ‘Alā’ al-Dīn bin ‘Alī bin Muhammad bin Ibrahim al-Khāzin (w.1340H). karya-karya ini mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan para ulama di wilayah ini sejak masa awal lagi, di mana tafsir al-Bayḍāwī dan al-Khāzin adalah merupakan rujukan utama al-Singkīlī dalam menghasilkan karya

---

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 34.

<sup>6</sup> Islah Gusmian (2003), *op. cit.*, h. 47.

tafsirnya. Bahkan, karya-karya tersebut di atas secara luas dijadikan sumber rujukan kaum Muslim di Asia Tenggara hingga saat ini.<sup>7</sup>

Berdasarkan data-data sejarah, pada awal abad ke-16 di Nusantara telah muncul proses penulisan tafsir. Hal ini dengan ditemukannya naskhah *Tafsir Surah al-Kahfī* ayat sembilan. Namun tidak diketahui siapa penulisnya, manuskrip naskhah ini dibawa dari Aceh ke Belanda oleh penjajah pada awal abad ke-17. Pada saat ini, manuskrip itu menjadi koleksi perpustakaan Cambridge University dengan catalog MS OR. Li.6.45. diduga, manuskrip ini ditulis pada masa awal pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636), di mana yang menjadi muftinya ialah Shams al-Dīn al-Sumāṭrānī, bahkan ada juga yang menduga bahawa manuskrip itu dibuat pada zaman Sultan ‘Alā` al-Dīn Ri’āyat Syāh Sayyid al-Mukammil (1537-1604), di mana mufti kerajaannya ialah Hamzah al-Fanṣūrī.<sup>8</sup>

Satu abad kemudian, muncul karya tafsir lengkap 30 juz yang berjudul *Tarjumān al-Mustafīd* hasil karya Syeikh ‘Abd al-Ra`ūf bin ‘Alī al-Fanṣūrī al-Singkilī,<sup>9</sup> karya ini dianggap sebagai terjemahan dari kitab tafsir *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta`wīl* karya al-Imam al-Bayḍāwī. Namun berdasarkan penelitian Nashruddin Baidan<sup>10</sup>,

---

<sup>7</sup> Lihat Nor Huda (2007), *Islam Nusantara, Sejarah Sosial Intelektual di Indonesia*, Yogyakarta: ar-Ruzz Media, h. 344-345.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h.345

<sup>9</sup> Syeikh ‘Abd al-Ra`ūf al-Singkilī adalah salah seorang ulama besar pada zamannya, di antara karyanya ialah kitab *al-Mawā`iz al-Badī`ah*, *‘Umdah al-Muhtadīm*, *Bayān al-Tajallī* dan lain-lain. Beliau seorang ulama madhhab Shafi’i, pernah dilantik menjadi mufti dan Sheikh Akbar masjid Bait al-Rahim di Aceh. Beliau hidup antara tahun 1615 hingga 1693 M. Lihat: W. Mohd. Saghir Abdullah (1991), *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, j.1, Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah, h. 160.

<sup>10</sup> Nashruddin Baidan lahir 5 Mei 1951 di Lintau, Tanah Datar, Sumatera Barat. Dia adalah Professor Ilmu Tafsir. Ia menyelesaikan pengajian ijazahnya di Fakultas Adab Jurusan Sastera Arab di IAIN Imam Bonjol, Padang pada tahun 1977. memperoleh gelar Doktor dalam bidang Tafsir dari IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta tahun 1990. saat ini menjabat sebagai ketua STAIN Surakarta (2002 – sekarang). Di antara karyanya, Metodologi Penafsiran al-Qur`an (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1998). Lihat: Nashruddin Baidan (2003), *Perkembangan Tafsir al-Qur`an di Indonesia*, Solo: Tiga Serangkai Pustaka Mandiri, h. 149-150.

ini bukanlah terjemahan dari kitab al-Bayḍāwī. Tafsir ini adalah hasil karya al-Singkili sendiri meskipun di dalamnya beliau banyak mengutip dari tafsir al-Bayḍāwī.<sup>11</sup>

Kelahiran *Tarjumān al-Mustafīd* telah memainkan peranan yang sangat penting dalam sejarah intelektual di Nusantara. Selama hampir 300 tahun, *Tarjumān al-Mustafīd* merupakan satu-satunya karya yang mentafsirkan al-Qur'an secara lengkap dalam bahasa Melayu dan ditulis dengan tulisan Jawi. Tafsir ini pertama kali dicetak di Istanbul, Turki pada tahun 1302H/1884M melalui usaha gigih Syeikh Ahmad al-Faṭānī<sup>12</sup> yang telah *mentaṣhīḥ*nya dan membawanya ke Turki untuk dicetak. Cetakan kedua dibuat di percetakan al-Āmiriyyah, Bulaq, Mesir pada tahun 1303H/1885M., iaitu hampir dua abad dari wafat pengarangnya. Dan selanjutnya karya agung ini diulang cetak dan diterbitkan oleh pelbagai pihak, sama ada di Alam Melayu ataupun di Timur Tengah.<sup>13</sup>

Setelah al-Fanṣūrī menerbitkan karyanya yang monumental, *Tarjumān al-Mustafīd* pada abad ke-17 yang lalu, selama dua abad selepasnya, boleh dikatakan bangsa Indonesia tidak menyaksikan lahirnya karya-karya tafsir al-Qur'an. Salah satu punca utama kekosongan ini ialah situasi bangsa Indonesia yang dijajah oleh Belanda. Abad ke-18 M dan 19 M adalah puncak kekuasaan Belanda di Indonesia, di mana pada waktu itu pemerintah Belanda menghalangi masyarakat untuk berfikir bebas dan mengembangkan pendidikan Islam.<sup>14</sup> Namun begitu, pada abad ke-19, muncul sebuah karya tafsir yang menggunakan bahasa Melayu-Jawi, iaitu kitab *Farā'id al-Qur'an*. Namun, tafsir ini tidak diketahui siapa yang menulisnya.

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 62.

<sup>12</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani, lebih dikenal dengan nama Syeikh Ahmad Fatani. Beliau salah seorang ulama terkemuka di Nusantara dan alim dalam fiqh Shafi'i. Mendapat pendidikan awal di Fatani, kemudian di Makkah, seterusnya belajar di al-Azhar, lalu kembali semula ke Makkah dan mengajar di Masjid al-Haram. Beliau lahir pada tahun 1272H./1855M. dan wafat pada tahun 1325H./1907M. Lihat: Mahyuddin Hj. Yahya (1986), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, j.1, Bangi: UKM, h. 303.

<sup>13</sup> Muhammad Nur Lubis (2002), *Data-data Terbitan Awal Penterjemahan dan Pentafsiran al-Qur'an di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: al-Hidayah, h. 7-10.

<sup>14</sup> Nashruddin Baidan (2003), *op. cit.* h. 79

*Tafsir Farā'id al-Qur'an* ditulis dalam bentuk sederhana, dan tampak lebih sebagai artikel tafsir, sebab hanya terdiri dari dua muka surat dengan huruf kecil dan spasi rangkap. Naskhah tafsir tersebut masuk dalam sebuah buku koleksi beberapa tulisan ulama Aceh yang disunting oleh Ismā'īl bin 'Abd al-Muṭṭalib al-'Ashī yang berjudul: *Jāmi' al-Jawāmi' al-Muṣannafāt: Majmū' Beberapa Kitab Karangan Beberapa Ulama Aceh*. Sekarang, naskhah kitab ini disimpan di Perpustakaan Universiti Amsterdam dengan kod katalog: Amst.IT.481/96(2). Karya ini kemudian diterbitkan di Bulaq.<sup>15</sup>

Adapun yang menjadi objek kajian kitab ini adalah sūrah al-Nisā', ayat ke-11 dan 12, yang berkaitan dengan hukum warisan. Keterangan yang diberikan sederhana dan lebih dari sekadar terjemahan. Setelah memaparkan ayat tertentu, huraian selanjutnya dimulakan dengan perkataan "tafsirnya". Namun, kerana tidak ada data tentang penulisnya, hal ini akan menyulitkan dalam menghuraikannya lebih terperinci.<sup>16</sup>

Pada pertengahan abad 19 M pula, muncul sebuah karya tafsir lengkap yang dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Nawawi, ulama asal Banten, Indonesia dengan judul tafsir "*Marāḥ Labīd*". Karya utama Syeikh Nawawi ini merupakan komentar atau huraian terhadap al-Qur'an al-Karīm secara keseluruhan yang terdiri dari dua jilid. Karya ini dicetak pertama kalinya di Makkah setelah disemak oleh para ulama di Makkah, Madinah dan Kaherah. Tafsir ini lebih lanjut akan diperkenalkan pada perbahasan yang akan datang sebagai objek utama perbahasan bab ini.

Karya tafsir besar lain yang lahir pada abad ke-19 juga ditulis oleh seorang rakan Syeikh Nawawi. Dia adalah Muḥammad Ṣāliḥ bin 'Umar al-Samarānī yang

---

<sup>15</sup> Islah Gusmian (2003) *Khazanah Tafsir Indonesia*, Jakarta: Teraju, h. 55.

<sup>16</sup> Nor Huda (2007), *op. cit.*, h. 349.

dikenal dengan nama Kiai Saleh Darat.<sup>17</sup> Karya tafsir beliau berjudul: *Tafsīr Fayḍ al-Raḥmān fī Tarjamah Tafsīr Kalām Mālik al-Dayyān*. Berbeza dengan Syeikh Nawawi yang menulis tafsirnya dengan bahasa Arab, sebaliknya Kiai Saleh Darat menulis tafsirnya dengan bahasa Jawa, tulisan Jawi. Kiai Soleh Darat merupakan ulama pertama di Jawa yang menulis tafsir al-Qur`an dalam bahasa Jawa dengan pendekatan tafsir *ishārī*. Hal ini merupakan suatu kemajuan yang amat bermakna dalam perkembangan pemikiran Islam di Indonesia, mengingat ajaran Islam di Jawa pada masa itu didominasi oleh doktrin dan praktik mistik-filosofis. Corak tasawuf dalam tafsirnya dipengaruhi oleh karya-karya Abū Ḥāmid al-Ghazālī, seperti *Iḥyā` ‘Ulūm al-Dīn*, *Bidāyah al-Hidāyah*, dan *Minhāj al-‘Ābidīn*.

Pendekatan tafsir *ishārī* semacam ini beranggapan bahawa di sebalik dalil-dalil lafaz al-Qur`an terdapat pelbagai pemikiran dan makna yang tersirat. Dengan kata lain, di sebalik teks-teks yang bersifat *ẓāhir*, terdapat makna-makna *bāṭiniyyah*. Menurut pengguna pendekatan tafsir semacam ini, kedua hal tersebut –*ẓāhir* dan *bāṭin*- sentiasa ada dan tidak dapat dipisahkan.

Dalam penulisan tafsir *Fayḍ al-Raḥmān*, Kiai Saleh Darat merujuk kepada beberapa kitab tafsir, seperti *Mafātīḥ al-Ghayb* atau *Tafsīr al-Kabīr* karya Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Lubāb al-Ta`wīl fī Ma`ānī al-Tanzīl* karya ‘Ali bin Muhammad bin Ibrāhīm al-Khāzin, *Tafsīr Ibn Kathīr* karya Jalāl al-Dīn Ismā‘īl bin ‘Amr bin Kathīr, *Tafsīr al-Bayḍāwī* karya al-Imām al-Bayḍāwī, *Tafsīr al-Jalālayn* karya al-Maḥallī dan al-Suyūṭī,

---

<sup>17</sup> Kiai Muhammad Saleh Darat lahir di Jepara, Jawa Tengah pada tahun 1820 dan wafat di Semarang pada tahun 1903. pendidikan asasnya diperoleh dari ayah sendiri, K.H. ‘Umar. Kemudian belajar kepada beberapa ulama di Semarang. Lalu meneruskan pengajiannya ke Makkah dan berguru kepada para ulama di Makkah pada waktu itu. Setelah beberapa tahun belajar, beliau pun diizinkan mengajar di Makkah sehingga ramai yang datang dari dunia Melayu menjadi muridnya. Di antara karyanya, kitab al-Munjiyat, Manasik al-Hajj, Mursyid al-Wajiz, Fayd al-Rahman dan banyak lagi. Lihat: Hj. Wan Saghīr Abdullah (2009), *Koleksi Ulama Nusantara: Artikel berseri Akhbar Utusan Malaysia 2005*, j. 2, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 41-44.

dan *Tafsir Rūḥ al-Bayān* karya Ismā'īl Ḥaqqī al-Bussī. Karya tafsir ini telah dicetak di Singapura oleh percetakan al-Muhammadiyah pada tahun 1312 H/1894 M.<sup>18</sup>

### 3.3 PENGENALAN TAFSIR *MARĀḤ LABĪD*

#### 3.3.1 Nama dan Maksud Kitab

Karya utama Syekh Nawawi dalam bidang tafsir ialah tafsir *Marāḥ Labīd*, kitab tafsir ini memiliki dua nama iaitu *Marāḥ Labīd li Kashf Ma'nā Qur`ān Majīd*<sup>19</sup> dan *al-Tafsīr al-Munīr li Ma'ālim al-Tanzīl*. Nama yang pertama pengarang sendiri yang telah mengungkapkannya dalam pendahuluan tafsirnya bahawa kitab yang ditulisnya sengaja dinamai dengan *Marāḥ Labīd li Kashf Ma'nā Qur`ān Majīd*<sup>20</sup>. Manakala nama *al-Tafsīr al-Munīr* tidak disinggung sedikit pun dalam pendahuluannya itu. Ungkapan ini mengindikasikan bahawa Syekh Nawawi memang menulis karya ini dengan memberi nama *Marāḥ Labīd*, tetapi ketika naik cetak, penerbit membubuhi nama lain yakni al-Munīr, boleh jadi penamaan tersebut merupakan harapan penerbit yang ingin menempatkan tafsir ini sebagai juru penerang di tengah masyarakat Islam.

Sebagaimana penulis telah singgung di bahagian pendahuluan bahawa *Marāḥ Labīd* dari sudut bahasa adalah susunan kata bahasa Arab yang terdiri daripada dua perkataan: (مراح) dan (لبيد). Dalam kamus *al-Munawwir* (مراح) berasal dari kata (راح - راحا) yang bermakna datang atau pergi di waktu petang.<sup>21</sup> Kata *Marāḥ* adalah

<sup>18</sup> Nor Huda (2007), *op. cit.*, h. 353-355.

<sup>19</sup> Ada beberapa versi dalam bacaan atau ejaan *Marāḥ Labīd*, Didin Hafiduddin membacanya *Murah Lubaid*, Zamakhsyari Dhofier menulisnya *Murah Labib*, lihat: Didin Hafiduddin (1987), *op. cit.*, h. 48; Zamakhsyari Dhofier (1982), *op. cit.*, h. 84;

<sup>20</sup> Muhammad Nawawī bin 'Umar al-Jāwī (1997) *Marāḥ Labīd li Kashf Ma'nā al-Qur`ān al-Majīd*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 5.

<sup>21</sup> Ahmad Warson Munawwir (1997), *Kamus al-Munawwir*, c.2, Surabaya: Pustaka Progressif, h. 544



kata benda yang menunjukkan kepada tempat atau *isim makān* dari kata tersebut, jadi dapat diertikan sebagai suatu tempat peristirahatan bagi orang-orang yang datang dan pergi. Pengertian yang sama diungkapkan oleh Hans Wehr dalam *A Dictionary of Modern Written Arabic*, di sini ia mengertikan *Marāḥ* adalah *Place visited in the evening* (suatu tempat yang dikunjungi di waktu petang).<sup>22</sup>

Manakala *Labīd* berasal daripada kata (لَبْدٌ يَلْبُدُ لِبُودًا) yang membawa erti mendiami atau menjaga serta mengelilingi.<sup>23</sup> Menurut Ibn Manzūr makna (لَبْدٌ) ialah menetap dan melekat pada suatu tempat.<sup>24</sup> Apabila dua kalimah tersebut digabungkan maka akan mempunyai makna “tempat yang menjadi tujuan untuk menetap”. Mamat Burhanuddin mengertikannya “tempat peristirahatan yang nyaman bagi orang-orang yang datang dan pergi”.<sup>25</sup> Dari analisis bahasa ini dapat dikesan semangat di sebalik penulisan tafsir ini, pengarang hendak menjadikan tafsirnya sebagai tempat rujukan yang menyenangkan bagi umat Islam dalam memahami isi kandungan kalam Allah s.w.t.

### 3.3.2 Sejarah Penulisan

Perkembangan pengajian tafsir al-Qur`an di alam Melayu mempunyai catatan sejarah yang panjang semenjak Islam mulai bertapak di alam Melayu. Walau bagaimanapun, proses penulisan tafsir secara khusus hanya bermula pada zaman kesultanan Melayu Aceh, karya yang ditulis pada masa itu ialah tafsir *Tarjumān al-Mustafīd* karangan ‘Abd al-Ra`ūf al-Singkilī yang ditulis pada pertengahan kurun ke-

---

<sup>22</sup> Hans Wehr (1976), *A Dictionary of Modern Written Arabic*, cet. 3, New York: Spoken Language Services Inc., h. 365.

<sup>23</sup> Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1248.

<sup>24</sup> Muḥammad bin Mukram bin Manzūr (t.t.) *Lisān al-‘Arab*, j. 5, Kaherah: Dār al-Ma’ārif, h. 3984

<sup>25</sup> Mamat S. Burhanuddin (2006), *op. cit.*, h. 42

17 M. Zaman ini boleh dianggap sebagai perintis yang menjadi asas kepada perkembangan pengajian tafsir al-Qur`an di alam Melayu sehingga ke hari ini.<sup>26</sup>

Selepas abad ke-17, karya-karya tafsir di alam Melayu tidak dapat dikesan sehinggalah akhir abad ke-19 apabila muncul karya tafsir lengkap yang telah memperkaya khazanah pengajian Tafsir al-Qur`an di alam Melayu.<sup>27</sup> Karya tafsir tersebut adalah tafsir *Marāḥ Labīd*. yang dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantānī al-Jāwī, sebuah tafsir lengkap kedua yang dihasilkan oleh ulama Nusantara<sup>28</sup>, dan merupakan karya tafsir lengkap pertama di Alam Melayu yang ditulis dalam bahasa Arab.<sup>29</sup>

Dedikasi Syeikh Nawawi yang mencurahkan hidupnya hanya untuk mengajar dan menulis mendapat sambutan luas dari pelbagai kalangan. Hasil tulisannya yang sudah tersebar luas memberi kesan tersendiri bagi para pembacanya. Pada tahun 1870 para ulama al-Azhar Mesir pernah menjemputnya untuk memberikan kuliah singkat di satu forum diskusi ilmiah. Mereka tertarik untuk menjemputnya kerana nama Syeikh Nawawi sudah dikenalnya lewat karya-karyanya yang telah banyak tersebar di Mesir.<sup>30</sup>

Kunjungan Nawawi ke Mesir apalagi ke Universiti al-Azhar, suatu tempat yang kelak menjadi pusat pembaharuan pemikiran Islam, dalam suatu forum ilmiah menunjukkan adanya kontak intelektual antara Nawawi dengan dinamik pemikiran yang berlaku di negara tersebut. Bahkan hubungan Syeikh Nawawi dengan Mesir

---

<sup>26</sup> Lihat: Azyumardi Azra (1998), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan kepulauan Nusantara abad XVII dan XVIII*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 203

<sup>27</sup> Sejak awal perkembangan Islam di Nusantara sehingga awal abad ke-20, telah banyak karya yang telah dihasilkan oleh ulama Nusantara, namun lebih banyak dalam bidang lain seperti tasawuf, fiqh, kisah-kisah dan sebagainya. Lihat: Howard M. Federspiel (1996), *Kajian al-Qur`an di Indonesia*, Bandung: Mizan, h.18

<sup>28</sup> Tafsir lengkap 30 juzuk yang pertama ialah tafsir *Tarjumān al-Mustafid* yang ditulis oleh ‘Abd al-Rauf al-Singkil (1615-1693 M). Lihat: *Ibid.* h. 54; lihat juga: Muhammad Nur Lubis (2002), *Penterjemahan dan Pentafsiran Al-Qur`an di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, h. 2.

<sup>29</sup> Islah Gusmian (2003) *op. cit.*, h. 55.

<sup>30</sup> Chaidar (1979), *Sejarah Pujangga Islam, Syeikh Nawawi al-Bantani- Indonesia*, Jakarta: CV. Utama, h. 85-86. Lihat juga: Mamat S. Burhanuddin (2006), *op. cit.*, h. 30

dianggarkan sudah berlangsung lama kerana tafsir *Marāḥ Labīd* adalah karya beliau yang pertama dicetak di Makkah di mana karya-karya sebelumnya selalu dicetak di Mesir.

Sejak pertengahan abad ke-19 gerakan pembaharuan di Mesir sudah banyak disuarakan oleh Jamāl al-Dīn al-Afghānī dan Muhammad Abduh. Gema suaranya terdengar di seluruh pelosok Negara-negara Islam. Gerakan ini tengah menggalakkan untuk kembali kepada sumber utama Islam iaitu al-Qur`an dan Hadith. Seruan ini sedikit sebanyak diamati oleh Syeikh Nawawi sewaktu berada di Mesir. Setelah kembali ke Makkah beliau terdorong untuk menulis tafsir al-Qur`an. Boleh jadi semasa di Mesir ia mendapat desakan sekali gus tantangan daripada para ulama Mesir untuk segera menulis karya tafsir sebagai respons terhadap seruan gerakan pembaharuan. Hal ini menunjukkan bahawa di saat ke dua tokoh pembaharu (al-Afghānī dan Muhammad Abduh) masih bergerak di bidang politik, jauh di belahan jazirah Arab tepatnya di Makkah sudah ada yang menyedari pentingnya tafsir al-Qur`an minima sebagai jawapan terhadap tuntutan kembali kepada al-Qur`an meskipun tafsirnya masih kental dengan ciri tradisional.<sup>31</sup>

Sebelum Syeikh Nawawi memulakan penulisan tafsir, sempat terdapat keraguan dalam jiwanya dan hendak menolak desakan rakan-rakannya untuk menulis tafsir al-Qur`an, beliau berasa takut akan termasuk golongan yang mentafsirkan al-Qur`an berdasarkan *ra`yu* (pendapat semata-mata) yang mendapat ancaman daripada Allah s.w.t. Kekhuatiran beliau ini berdasarkan dua hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: 1) *Barang siapa mentafsirkan al-Qur`an dengan pendapatnya lalu pendapatnya itu betul, maka sesungguhnya ia pada hakikatnya tetap dinyatakan*

---

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 31-32.

salah.<sup>32</sup> Dan 2) *Barang siapa mentafsirkan al-Qur`an dengan pendapatnya, maka dia telah mempersiapkan dirinya untuk mendapat tempat di neraka.*<sup>33</sup> Namun Syeikh Nawawi berjaya mengetepikan keragu-raguan tersebut dan akhirnya beliau bersedia untuk memenuhi keinginan dan hasrat mereka, seraya memohon petunjuk dan taufik daripada Allah s.w.t.

Motif yang mendorong beliau dalam penulisan tafsirnya sebagaimana termaktub dalam mukadimahnyalah ialah untuk mengikuti tradisi ulama salaf yang sentiasa mengkodifikasikan ilmu agar dapat dimanfaatkan oleh generasi terkemudian dan sebagai amal jariah serta khidmat kepada perkembangan ilmu-ilmu keislaman. Syeikh Nawawi mengakui bahawa apa yang beliau hasilkan adalah tidak dapat menandingi hasil karya para ahli tafsir terdahulu, beliau menyatakan: (ليس على فعلي مزيد) “tiadalah pada hasil karyaku ini sesuatu yang menambah perbincangan dalam koleksi kitab-kitab terdahulu”. Tetapi beliau pun sedar bahawa perkembangan zaman menuntut adanya pembaharuan. Oleh demikian, diperlukan satu pentafsiran baharu yang selari dengan situasi dan kondisi sosial masyarakat. Harapan beliau sebagaimana dalam mukadimahnyalah yang mencerminkan sikap *tawāḍu`*, bahawa tafsir ini diharapkan dapat membantu diri beliau dan rakan-rakannya dalam memahami isi kandungan al-Qur`an.<sup>34</sup>

### 3.3.3 Masa dan Tempat Penulisan

Untuk menghasilkan satu karya yang diiktiraf oleh dunia Islam tentunya memerlukan pengorbanan dan perjuangan yang memakan masa yang panjang. Apatah lagi bila ada tugas dan tanggungjawab lain selain daripada menulis dan mengarang. Demikian juga halnya dengan syeikh Nawawi, di samping kesibukannya mengajar di

---

<sup>32</sup> Muhammad bin 'Īsā al-Tirmidhī (2000), *Sunan al-Tirmidhī*, dalam Šāleh bin 'Abd al-'Azīz Āli Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Kitāb Tafsīr al-Qur`ān, Bāb: mā Jā` fī al-Ladhī Yufassir al-Qur`ān bi Ra`yih, c. 3, Riyadh: Dār al-Salām, h. 1948.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 1951.

<sup>34</sup> Lihat: Muhammad Nawawi al-Jāwī (t.t.) *op. cit.*, h. 2.

Masjid al-Haram dan mentadbir urusan perkumpulan “koloni Jawa” di Makkah, beliau mengambil peluang untuk menghasilkan banyak karya termasuklah tafsir *Marāḥ Labīd*.

Tafsir *Marāḥ Labīd* dapat dikira sebagai murni hasil karya dan pemikiran Syeikh Nawawi dan merupakan hasil karya terbesar berbanding dengan hasil-hasil karya beliau yang lain yang kebanyakannya adalah ulasan atau komentar terhadap kitab-kitab karya ulama Islam terkemuka. Tidak ada sumber yang memastikan bila Nawawi memulakan penulisan tafsirnya, namun dapat dianggarkan bahawa beliau telah memulakan penulisan tafsirnya sejak tahun 1870 berdasarkan pernyataan Zamakhsyari Dhofier dalam bukunya bahawa antara tahun 1860-1870 Syeikh Nawawi aktif mengajar di Masjid Haram. Di samping itu, beliau juga mengisi waktu senggangnya dengan menulis buku-buku. Dan pada tahun 1870 Syeikh Nawawi memusatkan aktivitiya untuk menulis dan mengarang kitab.<sup>35</sup> Dengan demikian, proses penulisan tafsir ini telah memakan masa yang cukup panjang iaitu sekitar 14 tahun, bermula dari tahun 1870 sehingga berakhir pada hari Selasa malam Rabu tarikh 5 Rabi’ul Awwal 1305 H bersamaan tahun 1884 M.<sup>36</sup>

Sejak Syeikh Nawawi mula menetap dan mengajar di Masjid Haram, dianggarkan beliau tidak lagi mengadakan rihlah ke luar Negara sehingga tulisannya dalam bidang tafsir ini berjaya diselesaikan di kota suci Makkah, meskipun pada akhirnya kitab tafsir *Marāḥ Labīd* pertama kali dicetak di Kaherah, Mesir pada tahun 1887 M/ 1305 M, kemudian pada perkembangan selanjutnya kitab ini terus dicetak ulang di pelbagai Negara seperti Makkah, Beirut, Mesir dan Indonesia.<sup>37</sup>

Dalam cetakan yang terbit di Indonesia, disain kitab ini bercorak sebagaimana lazimnya kitab kuning, berukuran 18 x 27 cm, dengan tebal 3 cm. Di Indonesia, kitab

---

<sup>35</sup> Zamakhsyari Dhofier (1982), *op. cit.*, h. 88

<sup>36</sup> Muhammad Nawawī al-Jāwī selepas ini Nawawī(t.t.), *Marāḥ Labīd*, j. 2, Kaherah: Dār Iḥyā` al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 475

<sup>37</sup> Azyumardi Azra (1989), *Perspektif Islam di Asia Tenggara*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 2.

tafsir ini dicetak oleh banyak penerbit, di antaranya adalah al-Ma'arif Bandung, Salim bin Nabhan Surabaya, Toha Putra Semarang, Usaha Keluarga Semarang, Raja Murah Pekalongan, dan Dār Iḥyā al-Kutub al-‘Arabiyyah.<sup>38</sup>

### 3.3.4 Kandungan Kitab

Isi kandungan kitab tafsir *Marāḥ Labīd* mengikut terbitan Dār Iḥyā` al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Kaherah, terdiri daripada dua jilid, sebagai berikut:

1. Jilid pertama mengandungi 510 muka surat (termasuk daftar isi kandungan), bermula dari mukadimah, tafsir surah al-Fātiḥah sehingga surah al-Kahf. Pada mukadimah mengandungi beberapa perbincangan iaitu:
  - a. Pujian kepada Allah s.w.t. serta selawat dan salam ke atas junjungan baginda Rasulullah s.a.w., para keluarga dan sahabat-sahabatnya.
  - b. Sebab penulisan tafsirnya iaitu atas permintaan rakan-rakan dekat Syeikh Nawawi.
  - c. Kekhawatiran beliau untuk menunaikan permintaan rakan-rakannya berdasarkan dua hadith yang memberikan ancaman bagi mereka yang mentafsirkan al-Qur`an dengan pendapatnya.
  - d. Tujuan penulisan tafsir *Marāḥ Labīd* iaitu untuk meneruskan tradisi ulama salaf dalam mengkodifikasikan ilmu agar dapat membantu beliau dan umat Islam dalam memahami isi kandungan al-Qur`an.
  - e. Kitab-kitab yang menjadi rujukan utama beliau dalam menyelesaikan penulisan tafsirnya.
  - f. Nama bagi kitab tafsirnya iaitu *Marāḥ Labīd li Kashf Ma'nā Qur`ān Majīd*.<sup>39</sup>

---

<sup>38</sup> Syamsul Munir Amin (2009), *op. cit.*, h. 104.

<sup>39</sup> Nawawī (t.t.), *op. cit.*, j.1, h. 2

2. Jilid kedua mengandung 476 muka surat (termasuk daftar isi kandungan) yang bermula dari tafsir surah Maryam sehingga tafsir surah al-Nās dan diakhiri dengan penutup (*khātimah*). Penutup kitab ini, berisi pujian Syeikh Nawawi kepada Allah s.w.t. atas petunjuk dan pertolongan-Nya sehingga berjaya menyelesaikan penulisan tafsirnya iaitu pada tarikh 5 Rabi’ul Awwal 1305 H. Juga doa Syeikh Nawawi memohon keampunan Allah s.w.t. bagi dirinya, ibu bapanya dan kaum Muslimin secara umum.<sup>40</sup>

### 3.3.5 Rujukan Utama

Syeikh Nawawi hanya menyenaraikan lima kitab tafsir yang menjadi rujukan utama dalam penulisan tafsirnya, sebagaimana yang beliau sebutkan dalam mukadimah tafsir *Marāḥ Labīd*, iaitu sebagai berikut:

1. *al-Futūḥāt al-Ilāhiyah*, karya al-Shaykh Sulaymān bin ‘Umar al-‘Ujaylī al-Azhari (w. 1205 H/1790 M).
2. *Mafātīḥ al-Ghayb*, atau al-Tafsīr al-Kabīr, karya al-Imām Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn al-Rāzī (w. 606 H/ 1209).
3. *al-Sirāj al-Munīr*, karya al-Imām Muhammad bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī (w. 977 H/ 1577 M).
4. *Irshād al-‘Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Qur`an al-Karīm*, karya al-Imām Abū al-Sa’ūd (w. 982 H/ 1574 M).
5. *Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn ‘Abbās*, disusun oleh al-Fayrūz Ābādī (pengarang *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*).<sup>41</sup>

Meskipun Syeikh Nawawi menggunakan kelima-lima kitab tersebut sebagai bahan rujukan, namun, sumber utama penulisannya berasal dari *Mafātīḥ al-Ghayb* karya

---

<sup>40</sup> *Ibid.*, j.2, h. 475.

<sup>41</sup> *Ibid.*, j. 1, h. 2

Fakhr al-Dīn al-Rāzī, seorang ulama yang besar pada abad pertengahan. Bahkan, menurut Ridell –yang dikutip oleh Nor Huda (2007:351)- karya al-Rāzī tersebut memberikan sampai 70% dari keseluruhan ulasan Syeikh Nawawi. Sementara itu, sisanya 30%, beliau merujuk kepada empat sumber yang telah disebutkan di atas.<sup>42</sup>

Selain kitab rujukan di atas, Syeikh Nawawi juga merujuk kepada beberapa kitab tafsir yang beliau tidak sebutkan dalam mukadimah, kerana ia hanyalah rujukan tambahan dan bukan rujukan utama. Atabik Luthfi dalam kajiannya menyebutkan lima lagi kitab tafsir yang menjadi bahan rujukan Nawawi dalam menulis tafsirnya<sup>43</sup>, iaitu sebagai berikut:

1. *Jāmī' al-Bayān fī Ta'wīl Ay al-Qur'an*, karya al-Imām Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (w. 310 H).
2. *al-Kashshāf 'an Ḥaqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, karya Abū al-Qāsim Maḥmūd bin 'Umar al-Zamakhsharī (w. 538 H).
3. *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'an*, karya al-Imām Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurṭubī (w. 671 H).
4. *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, karya al-Imām Muḥammad bin Yūsuf bin 'Alī bin Yūsuf bin Ḥayyān, yang masyhur dengan panggilan Abū Hayyān (w. 745 H).
5. *al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma'thūr*, karya al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr al-Suyūṭī (w. 911 H).

### 3.3.6 Sambutan dan Penilaian Atas Tafsir *Marāḥ Labīb* dan Pengarangnya

Para penulis biografi ulama seperti Khayr al-Dīn al-Ziriklī, Muhammad Ridā Kaḥḥālāh, Mahyuddīn Hj. Yahya dan selain mereka, memuji Syeikh Nawawi dalam

---

<sup>42</sup> Petter Riddel (2001), *Islam and the Malay-Indonesian World: Transmission and Responses*, London: Hurst & Company, h. 196.

<sup>43</sup> Atabik Luthfi (1998), *Metodologi Kitab Tafsir al-Munir: Satu Kajian menurut Perspektif Ilmu Tafsir dan Ilmu al-Qur'an*, Tesis MA, Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. h. 36



buku mereka bahawa beliau adalah ahli tafsir, ahli tasawuf, ahli fiqh, ahli ilmu kalam yang telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang agama.<sup>44</sup>

Zamakhsyari Dhofier, seorang penulis buku tentang pesantren dan kiai, mengatakan: Syeikh Nawawi adalah seorang yang produktif menulis dan berbakat. Buku Tafsirnya *Marāḥ Labīd (Tafsīr al-Munīr)*, yang terbit di Kaherah diakui mutunya. Kitab itu memuat persoalan-persoalan penting sebagai hasil diskusi dan perdebatan Syeikh Nawawi dengan ulama al-Azhar. Demikian terkenal nama Syeikh Nawawi sehingga dalam cetakan kitab tafsir tersebut dia diberi julukan *Sayyid 'Ulamā al-Hijāz* (Pemimpin Ulama Hijaz).<sup>45</sup>

Louis Ma'lūf mencatat dalam *al-Munjid fī al-A'lām* bahawa Syeikh Nawawi adalah seorang faqih dalam mazhab Shāfi'ī dan ahli tasawuf yang lebih cenderung kepada bidang tafsir.<sup>46</sup>

Snouk Hurgronje telah memuji Syekh Nawawi, sebagaimana dikutip Martin dalam bukunya "*Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat*", bahawa beliau adalah ulama asal Indonesia yang paling alim, rendah hati dan sangat produktif menghasilkan karya-karya ilmiah. Di samping karya tafsirnya yang terkenal, dia juga menulis kitab dalam pelbagai disiplin ilmu yang dipelajari di pesantren. Berbeza dengan pengarang Indonesia sebelumnya, Nawawi menulis karya-karyanya dalam bahasa Arab.<sup>47</sup>

Prof. Dr. Hamka dalam bukunya "*Dari Perbendaharaan Lama*" menyebut bahawa Syeikh Nawawi adalah seorang ulama besar yang masyhur bukan sahaja di Indonesia, bahkan di seluruh tanah Arab, terutama dalam kalangan yang bermazhab Shafi'ī, sebab karangannya dalam bahasa Arab tersiar di mana-mana dan diketahui

---

<sup>44</sup> Lihat: Mahyudin Hj. Yahya (1987), *op. cit.*, h. 972; Haji Hasan Haji Hamzah (1995), *op. cit.*, h. 55;

'Umar Riḍa Kaḥḥālāh (1993), *op. cit.*, h. 563; Khair al-Dīn al-Ziriklī (2002), *op. cit.*, h. 318.

<sup>45</sup> Zamakhsyari Dhofier (1982), *op. cit.*, h. 89.

<sup>46</sup> Louis Ma'lūf (1992), *al-Munjid fī al-A'lām*, cet. 18, Beirut: Dār al-Mashriq, h. 581.

<sup>47</sup> Martin Van Bruinessen (1995), *op. cit.*, h. 37-38

dalam kalangan ulama al-Azhar. Nama Syeikh Nawawi adalah satu-satunya nama ulama Indonesia yang tertulis di dalam *al-Munjid fī al-Lughah wa al-A'lām*.<sup>48</sup>

Syeikh ‘Abd al-Sattār al-Dahlawī, salah seorang murid Syeikh Nawawi dari India, mengatakan: Syeikh Nawawi terkenal akan kesolehannya, ketakwaannya, kezuhudannya, dan juga sifatnya yang sentiasa rendah hati. Dari tangannyalah lahir sejumlah besar penuntut ilmu.<sup>49</sup>

Secara ‘Am, tafsir *Marāḥ Labīd* telah diiktiraf dan mendapat sambutan serta penghargaan daripada para ulama di Makkah dan Mesir. Ketika selesai menulis naskahnya pada tahun 1305 H, beliau serahkan terlebih dahulu kepada ulama-ulama Makkah dan Mesir, untuk disemak dan diteliti. Dan akhirnya kitab ini diterbitkan di Negara tersebut. Di Mesir, para ulama memberikan gelar kepadanya “*Sayyid ‘Ulamā al-Hijāz*”<sup>50</sup> (pemimpin para ulama Hijaz).<sup>51</sup> Dan kini tafsir ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Drs. H. Chatibul Umam dan Nur Muhammad Ahmad dan diterbitkan oleh Darul Ulum Press, Jakarta, pada tahun 1989.

Demikian beberapa komentar dan sambutan para ulama dan cendekiawan tentang tafsir *Marāḥ Labīd* serta pengarangnya, Syeikh Nawawi al-Bantānī. Dari pelbagai komentar tersebut tampak jelas bahawa kebesaran nama Syeikh Nawawi dan peranannya dalam mengembangkan agama Islam cukup diakui oleh Masyarakat Islam pada umumnya. Syeikh Nawawi adalah pijar yang akan selalu menerangi khazanah intelektual Muslim.

---

<sup>48</sup> Hamka (1963), *Dari Perbendaharaan Lama*, Medan: Maju, h. 90-91

<sup>49</sup> Umar ‘Abd al-Jabbār (1982), *op. cit.*, h. 288.

<sup>50</sup> Gelaran tersebut dapat dilihat pada cover cetakan Kaherah: Dār Iḥyā` al-Kutub al-‘Arabiah.

<sup>51</sup> Didin Hafiduddin, (1987), *op. cit.*, h. 44

### 3.4 KESIMPULAN

Perkembangan pengajian tafsir al-Qur`an di alam Melayu mempunyai catatan sejarah yang panjang semenjak Islam mulai bertapak di Nusantara. Namun, proses penulisan tafsir secara khusus hanya bermula pada zaman kesultanan Melayu Aceh, karya yang ditulis pada masa itu ialah tafsir *Tarjumān al-Mustafīd* karangan ‘Abd al-Ra`ūf al-Singkilī yang ditulis pada pertengahan kurun ke- 17 M. Zaman ini boleh dianggap sebagai perintis yang menjadi asas kepada perkembangan pengajian tafsir al-Qur`an di alam Melayu sehingga ke hari ini.

Selepas abad ke-17, karya-karya tafsir di alam Melayu tidak dapat dikesan sehinggalah akhir abad ke-19 apabila muncul karya tafsir lengkap yang telah memperkaya khazanah pengajian Tafsir al-Qur`an di alam Melayu. Karya tafsir tersebut adalah tafsir *Marāḥ Labīd* karya Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantānī al-Jāwī yang ditulis dalam bahasa Arab, dan *Tafsīr Fayḍ al-Raḥmān fī Tarjamah Tafsīr Kalām Mālik al-Dayyān* karya Muḥammad Ṣāliḥ bin ‘Umar al-Samarānī yang dikenal dengan nama Kiai Saleh Darat, yang tulis dalam bahasa Jawa tulisan Arab-Jawi.

Syeikh Nawawi al-Bantani telah memberikan sumbangannya yang sangat besar dalam menghidupkan kembali tradisi penulisan karya di bidang tafsir. Beliau menulis tafsirnya ketika dunia Islam mengalami kemerosotan dalam menghasilkan karya di bidang tersebut. Pada zaman Syeikh Nawawi hanya ada sedikit karya tafsir yang dihasilkan. Keengganan umat Islam untuk menulis tafsir disebabkan oleh adanya peringatan Nabi s.a.w. bahawa barang siapa yang mentafsirkan al-Qur`an berdasarkan pendapatnya sendiri, maka dia telah melakukan kekeliruan dengan seksa neraka sebagai balasanya. Syeikh Nawawi sendiri mengalami kebimbangan yang cukup lama sebelum beliau memutuskan untuk menulis tafsir, meskipun banyak orang meyakinkan dan menyokong beliau untuk menulis.

*Tafsīr Marāḥ Labīd* atau *Tafsir al-Munīr li Ma'ālim al-Tanzīl* adalah karya monumental Syeikh Nawawi yang sangat dikagumi oleh ulama di dunia Islam. Tafsir yang terdiri daripada dua jilid ini, Syeikh Nawawi hasilkan pada tahun 1305 H bersamaan tahun 1884 M, dan kemudian diterbitkan di pelbagai Negeri seperti Kaherah, Makkah, Beirut dan Indonesia. Lantaran prestasinya di bidang tafsir, para ulama menganugerahkan kepadanya gelaran “*Sayyid ‘Ulamā` al-Ḥijāz*” (pemimpin ulama Hijaz).

Karya ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Drs. H. Chatibul Umam dan Nur Muhammad Ahmad dan diterbitkan oleh Darul Ulum Press, Jakarta, pada tahun 1989. *Tafsīr Marāḥ Labīd* adalah merupakan tafsir lengkap kedua yang pernah dihasilkan oleh ulama Nusantara dan merupakan karya tafsir lengkap pertama di Alam Melayu yang ditulis dalam bahasa Arab.